

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



PROGRAM PEMENTORAN ISLAM RAKAN SEBAYA SEBAGAI
MEDIUM PENDIDIKAN ADAB DI ERA *SOCIETY* 5.0

*PEER ISLAMIC MENTORING AS A MEDIUM OF ADAB EDUCATION IN THE
SOCIETY 5.0*

Noraini Ismail^{1*}, Mardzelah Makhsin², Afiffudin Mohammed Noor³, Umami Syarah Ismail⁴, Wan Mohd Amjad Wan Halim⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: noraini045@uitm.edu.my

² Fakulti Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: mazfaniy@uum.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: afiffudin@uitm.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: ummi@uitm.edu.my

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: amjadhalim@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.04.2022

Revised date: 15.05.2022

Accepted date: 16.06.2022

Published date: 28.06.2022

To cite this document:

Ismail, N., Makhsin, M., Noor, A. M., Ismail, U. S., & Halim, W. M. A. W. (2022). Program Pementoran Islam Rakan Sebaya Sebagai Medium Pendidikan Adab Di Era *Society* 5.0. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 545-560.

DOI: 10.35631/IJEPC.746041

Abstrak:

Era *Society* 5.0 telah meletakkan manusia sebagai peneraju perkembangan teknologi. Dalam konteks peradaban, gagasan ini memerlukan modal insan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga dalam adab dan keperibadian agar perkembangan teknologi yang di capai seimbang antara elemen ruhiyyah dan jasadiyahnya. Bagi memenuhi aspirasi ini, permasalahan akhlak dan adab remaja khususnya dalam kalangan mahasiswa perlu di beri perhatian serius. Diantara solusi yang boleh diambil adalah dengan dengan memantapkan dan memberi nafas baru kepada metod pendidikan adab di universiti agar seiring dengan keperluan dalam era *Society* 5.0. Kajian ini mengetengahkan program pementoran Islam rakan sebaya sebagai alternatif kepada medium pendidikan adab di mana rakan sebaya yang sering meninggalkan pengaruh dalam kehidupan remaja dapat berperanan sebagai mentor dalam memperkukuhkan akhlak dan adab khususnya dalam berdepan dengan dunia globalisasi dan modenisasi yang semakin mencabar. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan, dokumentasi dan kajian literatur. Data yang diperolehi kemudiannya di analisis menjadi satu naratif dan deskripsi yang dapat difahami secara logik dan sistematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa program pementoran Islam

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



rakan sebaya sangat berpotensi untuk diketengahkan sebagai medium pendidikan adab yang berkesan dalam pelbagai perubahan yang berlaku di era *Society 5.0*. Pemantauan dan bantuan seorang murabbi yang lebih sistematik dan juga integrasi elemen amanah dan adab seperti mana yang terdapat dalam Pendidikan 5.0 @ UiTM, merupakan nilai tambah yang sangat baik kepada program pementoran Islam rakan sebaya. Kandungan pendidikan adab yang bersifat holistik meliputi adab terhadap agama, adab terhadap manusia, adab terhadap diri sendiri dan adab terhadap alam adalah input yang di dapati sesuai dan perlu disusun dengan lebih sistematik sebagai panduan dalam pelaksanaan pementoran Islam rakan sebaya.

Kata Kunci:

Bimbingan Rakan Sebaya; Pementoran Islam; Pendidikan Adab; *Society 5.0*

Abstract:

Society 5.0 is a human-centred society that bring humans at the forefront of technological development. This idea requires human capital that is excellent both in academics and in manners and personality. This is to ensure well balance development of civilization between the spiritual and physical elements. To fulfill this aspiration, the moral and manners of adolescents, especially among university students, need to be given serious attention. Among the solutions that can be taken is to strengthen the method of moral and manners education in the university to be in line with the needs in the era of *Society 5.0*. This study highlights the peer Islamic mentoring program as an alternative medium of moral and manners education where peers can play a role as mentors in strengthening morals and manners of adolescents. This is qualitative study using literature research methods. The data obtained are analyzed into a narrative and description that can be understood logically and systematically. The findings of the study indicate that the peer Islamic mentoring program has great potential to be highlighted as an effective medium of moral and manners education in the various changes that took place in the era of *Society 5.0*. The systematic monitoring and assistance of a *murabbi* as well as the integration of the elements of trust and manners as found in Pendidikan 5.0 @ UiTM, is an excellent added value to the peer Islamic mentoring program. The content of holistic moral and manners education covering manners towards religion, manners towards human beings, manners towards oneself and manners towards nature are inputs that are found appropriate and need to be compiled more systematically as a guide in the implementation of peer Islamic mentoring program.

Keywords:

Peer Mentoring Program, Islamic Mentoring, Manners Education, *Society 5.0*

Pendahuluan

Society 5.0 mula diperkenalkan di Jepun pada 2016 yang bermatlamat mewujudkan masyarakat yang berpusat pada manusia (human-centered) dan berasaskan teknologi (technology based) (Rizka et al., 2021). Kehadirannya juga dilihat sebagai kemunculan kecerdasan buatan dalam kehidupan manusia yang menjalinkan satu bentuk ‘kerjasama’ bagi meningkatkan kepentingan peranan manusia sebagai ‘*Centre of the Universe*’ (Skobelev & Borovik, 2017). Perhatian dan keutamaan yang diberikan dalam semua bidang kehidupan merupakan satu kearifan baru yang tidak hanya terbatas dalam bidang industri dan informasi sahaja, bahkan mengambil kira

pelbagai permasalahan sosial berasaskan integrasi ruang fizik dan maya (Skobelev & Borovik, 2017). Justeru itu, impak *Society 5.0* jelas berkait dan kelihatan dalam semua aspek kehidupan seperti perkhidmatan kesihatan, pengangkutan, pertanian, industri, pendidikan dan sebagainya.

Menurut Rizka et al. (2021), *Society 5.0* telah meletakkan manusia sebagai peneraju perkembangan teknologi. Ini secara tidak langsung memerlukan modal insan yang tidak hanya cemerlang dalam akademik tetapi juga dalam adab dan keperibadian. Justeru pendidikan adab dilihat sebagai satu bentuk pendidikan yang perlu dimantapkan dan diberi nafas baru agar seiring dengan keperluan dalam era revolusi *Society 5.0*.

Islam sebagai agama yang bersifat syumul dan universal sentiasa mengutamakan keseimbangan dalam membina ketamadunan dan peradaban. Ini terbukti apabila Islam pernah melalui zaman kegemilangan dan terhadap dalam sains dan teknologi tanpa mengetepikan elemen kerohanian dan kemanusiaan. Paksi kepada kecemerlangan ini adalah sistem pendidikan Islam yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Pendidikan yang berasaskan nilai-nilai Qur'ani telah melahirkan generasi yang beradab dan berakhlak serta mahir dalam pelbagai ilmu duniawi (Anggraheni & Astuti, 2020). Justeru, dalam mendepani pelbagai cabaran modenisasi dan cabaran era revolusi *Society 5.0*, pendidikan adab sangat penting untuk diperkukuhkan agar dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam sains dan teknologi, tetapi juga berakhlak terpuji.

Selain itu, fokus pendidikan adab dalam kalangan pelajar universiti khususnya sangat perlu di beri penekanan dalam *Society 5.0* kerana pelbagai pengaruh negatif dan kesan globalisasi dan modenisasi yang mudah menyerap masuk ke dalam pemikiran dan tingkah laku mereka. Ini memerlukan pemerksaan nilai dan adab secara holistik berasaskan penghayatan nilai-nilai agama melalui pelbagai medium yang ada. Menurut Syuhada (2022), kehidupan remaja sinonim dengan pelbagai perubahan yang datang dari diri sendiri dan persekitarannya termasuklah pengaruh globalisasi dan modenisasi. Justeru, untuk menghadapi globalisasi dan modenisasi ini, remaja memerlukan penghayatan nilai keagamaan untuk mempertahankan identiti keagamaan yang mereka miliki.

Kemerosotan dan kemunduran penghayatan Islam yang berlaku khususnya dalam era globalisasi dan modenisasi ini juga sering diperkatakan oleh ilmuan dan intelektual Islam. Menurut Rahimi dan Kawangit (2018), kemerosotan penghayatan Islam dan keruntuhan akhlak serta pelbagai masalah sosial semakin parah dewasa ini bukan sahaja dalam bangsa atau negara tertentu tetapi meliputi seluruh dunia Islam. Justeru bagi mengembalikan umat Islam kepada peradaban manusia, mereka perlu disedarkan kembali tentang hakikat Islam yang sebenar. Di antara penyelesaian yang dicadangkan adalah melalui pemerksaan sistem yang lebih efektif seperti pementoran Islam kerana ia merupakan sistem berkala dengan kaedah *follow up* yang lebih sistematik (Rahimi & Kawangit, 2018). Dengan pembangunan nilai-nilai Islam dan adab Islam yang baik, perkembangan teknologi dalam era *Society 5.0* akan dapat mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Teknologi akan terus menjadi pemudah cara bagi manusia menjalankan kehidupan, manakala manusia yang beradab akan menjadi peneraju dan memastikan teknologi tidak mengesampingkan nilai-nilai kemanusiaan dan nilai-nilai sejagat yang menepati kepada fitrah kemanusiaan dan penciptaan alam semesta.

Tinjauan Literatur

Perkembangan industri dan informasi yang terus pesat berlaku dalam era *Society 5.0* mendorong manusia untuk terus berinovasi dan secara tidak langsung mencetuskan pelbagai

kesan dan perubahan. Justeru, Yazid (2021) menyatakan bahawa pendidikan Islam yang menjadi landasan utama kepada pendidikan adab seharusnya mampu bersaing dengan pelbagai kesan dan perubahan ini. Pendidikan Islam perlu memanfaatkan segala peralatan teknologi untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan memainkan peranan utama dalam membina rohani, akhlak dan adab bagi meningkatkan kualiti sumber manusia yang bakal menerajui revolusi *Society 5.0*.

Selain itu, era *Society 5.0* juga dilihat sebagai satu fasa pemulihan kepada impak revolusi *Industry 4.0* ke atas kehidupan dan kemanusiaan. Ini kerana menurut Anggraheni dan Astuti (2020), era *Industry 4.0* yang mengagungkan kecanggihan teknologi bagi meledak perkembangan industri ternyata meminggirkan peranan manusia dan menyebabkan berlakunya demoralisasi serta pergeseran norma dan tradisi. Kehidupan yang berkiblatkan teknologi tanpa memberi keseimbangan kepada nilai rohani dan kemanusiaan tentunya akan mendatangkan kesan buruk kepada kehidupan manusia. Justeru, pendidikan di era *Society 5.0* dilihat sebagai pendidikan yang berasaskan teknologi dengan tidak mengetepikan nilai kemanusiaan. Pendidikan yang tidak berkiblatkan kemajuan teknologi semata-mata ini akan memartabatkan kembali peranan manusia dan kemanusiaan dalam dunia pendidikan dan seterusnya memberi keutamaan kepada nilai akhlak dan moral dalam pengurusan teknologi untuk kesejahteraan manusia.

Di antara inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi membina keseimbangan rohani dan jasmani dalam perkembangan pesat dunia teknologi ini adalah dengan memperkasakan pendidikan adab melalui program pementoran Islam rakan sebaya. Program pementoran Islam ini merupakan salah satu inisiatif program mentor mentee yang dilaksanakan dalam institusi pendidikan bagi membentuk nilai positif dalam kalangan pelajar selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Dalam pelan ini, pihak Kementerian Pendidikan telah meletakkan anjakan ketiga yang menggariskan agar lahir rakyat Malaysia yang memiliki penghayatan nilai yang tinggi (Guntol & Kutty, 2020). Menurut Sabri et al. (2016), pelaksanaan program pementoran dalam kalangan pelajar di Malaysia bertujuan mengenal pasti punca masalah tingkah laku pelajar dan pendekatan pemulihan yang perlu diambil. Justeru, ia memerlukan komitmen yang tinggi daripada mentor bagi membina hubungan yang baik dengan mentee. Manakala, di peringkat pengajian tinggi, banyak kajian mendapati program pementoran berjaya membina dan mempengaruhi kemajuan mentee dalam pelbagai aspek (Venegas-Muggli et al., 2021; Rahmawati, 2020; Taha et al., 2017; Busu et al., 2018). Justeru itu, program ini sangat digalakkan pelaksanaannya di setiap universiti atau kolej universiti (Sabri et al., 2016).

Bagi memantapkan lagi pendidikan adab melalui sistem pendidikan Islam sedia ada, pementoran Islam sering dijadikan sebagai platform. Pelaksanaan pementoran Islam ini dikenali juga dengan sistem *halaqah* (lingkaran) atau *usrah* (keluarga) yang menggambarkan sekelompok kecil muslim yang duduk bersama-sama mempelajari dan menghayati nilai-nilai dan ajaran Islam secara rutin (Andrian et.al, 2018; Rahimi & Kawangit, 2018). Menurut Andrian et.al (2018), *halaqah* atau *usrah* ini adalah alternatif yang berkesan dalam membentuk keperibadian seorang muslim yang bersungguh-sungguh mengamalkan ajaran Islam. Kajian oleh Rahimi & Kawangit (2018), menunjukkan bahawa sistem pementoran Islam ini sangat relevan dan sesuai dilaksanakan dalam sistem pendidikan Islam sedia ada bagi meningkatkan lagi penghayatan Islam dalam kalangan umat Islam dan menjauhkan umat Islam daripada pelbagai kesan negatif globalisasi dan modenisasi yang berlaku.

Selain itu, pelbagai pihak perlu berperanan dalam membantu memperkasakan pendidikan adab khususnya dalam era revolusi *Society 5.0* ini. Banyak kajian menunjukkan kepentingan peranan ibu bapa, pendidik, masyarakat dan institusi pendidikan dalam menjayakan pendidikan adab (Noor et al., 2016; Latiff et al., 2017; Azis & Warda, 2022; Noor et al., 2014; Ahmad et al., 2017; Talib et al., 2018; Chen & Sutan, 2013). Walaupun begitu, peranan rakan sebaya dalam pendidikan adab kurang dibincangkan. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana rakan sebaya adalah golongan yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan pembentukan keperibadian seseorang. Kekuatan elemen pengaruh rakan sebaya ini dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Razak dan Hamjah (2017) dan Hamzah et al (2013). Elemen pengaruh ini penting untuk diambil bagi memastikan keberkesanan sesuatu aspek pendidikan kerana berdasarkan kajian oleh Dzalihi'zzabir (2017), pelajar banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam membuat keputusan tentang amalan dan tingkah laku keagamaan. Hasil kajian juga mendapati rakan sebaya mempunyai pengaruh ke atas amalan akidah seseorang pelajar. Begitu juga dengan kajian oleh Salleh (2014) yang mendapati bahawa rakan sebaya adalah faktor yang menyumbang dan mempengaruhi penghayatan akidah dan akhlak dalam kalangan remaja.

Justeru, pelaksanaan pementoran Islam yang berorientasikan bimbingan rakan sebaya dapat menjadi wadah penting bagi memperkasakan peranan rakan sebaya sebagai pembimbing dalam membentuk nilai, adab dan penghayatan agama dalam kalangan pelajar. Kertas kerja ini akan membincangkan peranan pementoran Islam rakan sebaya sebagai medium pendidikan adab khususnya di era *Society 5.0*. Ini juga merupakan manifestasi pendidikan Islam dalam pendidikan nilai bagi menghadapi cabaran pendidikan di era *Society 5.0* seperti mana yang disarankan oleh Putra (2019) agar pendidikan Islam diketengahkan sebagai medium yang mampu menyelesaikan masalah secara kritis dan penuh kreativiti selari dengan perubahan zaman.

Metodologi

Kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan, dokumentasi dan kajian literatur. Sumber data adalah daripada jurnal, artikel, buku, makalah dan pelbagai rujukan lain yang relevan dengan tajuk kajian. Kaedah pengumpulan dan analisis data dimulai dengan pengumpulan data daripada pelbagai sumber, menyusun dan mengkategorikan data dan seterusnya data di analisis menjadi satu naratif dan deskripsi yang dapat difahami secara logik dan sistematik.

Dapatan dan Perbincangan

Pendidikan Adab

Pendidikan adab disebut dalam bahasa arab dengan istilah *ta'dib* yang bermaksud terdidik, sopan, beradab dan berbudi pekerti yang baik. *Ta'dib* juga merujuk kepada orang yang terdidik dan memiliki adab serta budaya yang baik yang tentunya diperolehi melalui proses pendidikan peradaban dan kebudayaan (Harianto, 2019). Menurut Maya (2017), pendidikan adab adalah meliputi keseluruhan proses dalam pendidikan bagi membentuk sikap dan tingkah laku yang kemudiannya menjadi budi pekerti, etika atau moral dalam perspektif Islam bagi seorang individu.

Sejak zaman Rasulullah SAW, pendidikan dalam Islam bukan hanya menekankan aspek perkembangan kognitif semata-mata tetapi yang lebih utama adalah aspek pembangunan sikap dan tingkap laku melalui pendidikan adab. Justeru itu, pendidikan dalam Islam disebut juga

sebagai *'ta'dib'* yang sinonim dengan maksud pendidikan adab (Nurdin, 2015). Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas masalah yang berlaku dalam masyarakat pada dasarnya adalah disebabkan hilangnya adab (*the loss of adab*). Menurut al-Attas juga, pendidikan perlu melahirkan insan yang beradab iaitu insan yang sedar sepenuhnya tanggung jawab terhadap Tuhan dan sentiasa memahami serta memberi keadilan kepada diri sendiri dan orang lain dalam masyarakatnya (Nurdin, 2015).

Dalam membincangkan konsep adab dalam belajar, al-Jarnuzi juga mengklasifikasikan adab belajar kepada adab belajar terhadap Allah, adab belajar terhadap diri sendiri, adab belajar terhadap sesama manusia yang meliputi ibu bapa, guru dan rakan-rakan, dan juga adab belajar murid terhadap ilmu (Noer & Sarumpaet, 2017). Ini juga disebut dalam Kitab al-Jami' al-Sahih karya Imam al-Tirmizi dimana terdapat tiga adab terpenting iaitu adab terhadap prinsip-prinsip agama yang disebut sebagai *al-Adab al-Syar'iyah* yang meliputi adab kepada Allah SWT, adab kepada Rasulullah SAW, adab kepada al-Quran dan adab kepada Sunnah Rasulullah SAW. Kedua adalah adab kepada diri sendiri, disebut juga dengan *al-Adab al-Fardiyah* yang meliputi pemeliharaan *al-Daruriyat al-Khams* iaitu adab memelihara agama, adab memelihara keselamatan jiwa, adab memelihara akal, adab memelihara kehormatan diri dan adab memelihara harta benda. Ketiga adalah adab kepada orang lain atau adab pergaulan yang disebut *al-Adab al-Ijtima'iyah* meliputi adab dengan ahli keluarga, adab dengan masyarakat, adab menuntut ilmu, adab dalam majlis dan sebagainya (Haryanto, 2021).


Berdasarkan kepada perbincangan dapatlah disimpulkan bahawa skop pendidikan adab adalah meliputi empat aspek utama iaitu pendidikan adab terhadap agama, pendidikan adab terhadap diri sendiri, pendidikan adab terhadap sesama manusia dan alam serta pendidikan adab terhadap ilmu pengetahuan. Justeru dalam konteks mendepani cabaran *Society 5.0*, empat aspek pendidikan adab ini perlu diberi keutamaan. Ini bertepatan dengan sasaran *Society 5.0* yang ingin melahirkan masyarakat yang sejahtera dan berinteraksi secara harmoni dengan persekitarannya.

Pendidikan Adab di Era Revolusi Society 5.0

Dalam era *Society 5.0*, pendidikan adab dilihat sebagai satu aspek yang tidak seharusnya dikesampingkan bahkan perlu dibina dengan sebaik mungkin bagi mencapai matlamat yang telah digariskan. Ini kerana pendidikan adab berkait rapat dengan pembinaan kualiti keperibadian dan penampilan setiap individu. Sasaran *Society 5.0* ternyata berbeza dengan *Society 4.0*. Dalam *Society 5.0*, masyarakat dibebaskan daripada pelbagai kekangan yang dihadapi semasa *Society 4.0* sehingga berpeluang meneruskan gaya hidup dengan nilai yang pelbagai.

Rajah 1 berikut menunjukkan perubahan yang berlaku dari era *Society 4.0* kepada era *Society 5.0* di mana dalam *Society 5.0*, masyarakat cuba dibebaskan daripada tumpuan kepada kecekapan kepada penekanan aspek keperluan, menyelesaikan masalah dan mencipta nilai. Masyarakat dapat hidup, belajar dan bekerja dengan bebas tanpa adanya penindasan atas keperibadian seperti diskriminasi mengikut jantina, bangsa, kewarganegaraan dan sebagainya. Sesiapa sahaja berpeluang untuk berperanan pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Kehidupan juga lebih sejahtera dengan kebebasan daripada kebimbangan terhadap keganasan dan serangan siber dengan jaringan keselamatan yang diperkukuh. Begitu juga dengan kebebasan daripada sumber dan kekangan alam sekitar di mana masyarakat dapat menjalani kehidupan yang mampan di mana-mana rantau. Secara umumnya *Society 5.0* adalah sebuah

revolusi bagi melahirkan sebuah masyarakat yang boleh mencipta nilai pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan selamat dan harmoni (World Economic Forum, 2019).



Rajah 1: Perubahan *Society 4.0* kepada *Society 5.0*

Sumber: (World Economic Forum - <https://www.weforum.org/>)

Sasaran yang dibuat dalam *Society 5.0* ini menunjukkan bahawa elemen pendidikan secara umumnya adalah perkara yang sangat penting dan perlu diberi keutamaan kerana asas pembentukan nilai bermula melalui sistem pendidikan. Justeru, pendidikan di era *Society 5.0* memfokuskan pembinaan kekuatan manusia bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga rohani, jasmani dan emosi. Menurut Slameto (2019), sektor pendidikan di era *Society 5.0* memberi perhatian kepada melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempersiapkan pemimpin masa depan. Ini jelas dilihat apabila Jepun sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat paling maju di dunia, mula mempersiapkan generasi siswanya dengan keterampilan untuk bertahan hidup dalam perubahan yang berlaku dan mensasarkan mereka untuk memimpin perubahan itu. Bagi mencapai matlamat itu, fokus utama tentulah kepada kekuatan manusia dengan membina keterampilan manusia dari segi kualiti keperibadian, komunikasi, kepemimpinan dan daya tahan, kekuatan pemahaman dan pengetahuan dan sebagainya (Slameto, 2019). Semua ini tentunya sangat berkait dengan pendidikan adab secara khususnya terutama bagi menyelesaikan pelbagai permasalahan sosial yang melanda disebabkan oleh pelbagai perubahan yang berlaku.


Dalam konteks pendidikan Islam, pendidikan adab adalah terangkum di bawah pendidikan akhlak. Terdapat empat skop utama ajaran Islam yang sangat diberi penekanan dalam pendidikan Islam iaitu akidah, syariah, ibadah dan akhlak. Keberkesanan pendidikan Islam adalah merujuk kepada empat skop utama ini di mana ukuran kejayaannya adalah melihat sejauh mana pelajar dapat menguasai keempat-empat skop ajaran Islam dengan baik. Ini berbeza dengan pendidikan dalam perspektif komunisme sebagai contoh di mana landasan pendidikan mereka berpusat terhadap hal-hal yang bersifat individualisme dan materialistik sehingga menjadikan ukuran kejayaan dalam pendidikan adalah menjadi orang yang kaya dan berkuasa (Adzim, 2021). Ini secara tidak langsung menjadikan pendidikan Islam sangat penting bagi membina keseimbangan jasmani, rohani, emosi dan intelek di era *Society 5.0* di mana manusia mula bersifat individualistik dan mula bersaing dalam perkara-perkara yang bersifat materialistik. Pendidikan adab menjadi elemen penting bagi memastikan kebejatan tingkah laku dan akhlak dapat diselesaikan bagi mencapai sasaran masyarakat sejahtera yang digariskan dalam *Society 5.0*.

Selain itu, pendidikan adab menjadikan manusia lebih bijak membuat keputusan dalam berdepan dengan pelbagai cabaran *Society 5.0*. Pelbagai pertimbangan dan keputusan perlu dilakukan dan pastinya setiap keputusan memberi impak kepada kehidupan peribadi, masyarakat dan juga negara. Bukan mudah untuk manusia berdampingan dengan pelbagai kepintaran buatan, robot dan pelbagai teknologi terkini dalam kehidupan seharian yang menjadikan manusia terdedah kepada pelbagai kesan baik dan buruk penggunaannya. Daripada anak di peringkat sekolah tadika sehinggalah ke universiti, semuanya perlu dibekalkan dengan ilmu duniawi dan ukhrawi yang secukupnya agar mereka membuat keputusan dengan mengambil kira adab dan kesusilaan yang bersesuaian dengan kehendak agama dan norma masyarakat. Berani dan bijak mengatakan tidak kepada pengaruh dan anasir buruk dan sentiasa memilih untuk memanfaatkan teknologi mengikut landasan yang dibenarkan syarak.

Adab dan Amanah dalam Pendidikan 5.0

Pendidikan 5.0@UiTM adalah salah satu contoh pendekatan dalam penerapan nilai dan adab dalam pendidikan di era *Society 5.0*. Dalam mendepani cabaran *Society 5.0* ini, Pendidikan 5.0 @ UiTM mengorak langkah dengan memberi penekanan kepada nilai dan prinsip dalam ekosistem pembelajaran berteraskan kepada nilai adab dan amanah, manakala teknologi bertindak sebagai pemboleh ubah dan sistem sokongan yang digerakkan oleh manusia (Academic Affairs Division UiTM, 2019). Secara umumnya, pembelajaran dalam Pendidikan 5.0 menanam minat suka belajar, berpusatkan pelajar, ditunjukkan oleh pelajar dan didorong oleh pelajar. Oleh yang demikian, pelajar dilihat sebagai individu yang mempunyai nilai, kepercayaan, pemikiran, pengetahuan dan kemahiran yang boleh dipupuk dan dilatih secara holistik. Pelbagai teknologi yang mengelilingi pelajar membolehkan pelajar membuat pilihan tentang apa, di mana, bila, bagaimana, kenapa dan dengan siapa pembelajaran berlaku (Academic Affairs Division UiTM, 2019). Pelajar tidak perlu menunggu untuk mendapatkan ilmu, bahkan pelajar perlu proaktif memberi input dan idea dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Justeru, melalui Pendidikan 5.0 pelajar adalah pemimpin dalam peningkatan akademik dan seterusnya dalam kehidupan universiti mereka.

Pendidikan 5.0 tidak menyetepikan adab bagi memastikan pembelajaran yang lebih bermakna, bahkan meletakkan satu bentuk pendidikan yang berpusatkan kepada kehidupan Bertuhan menerusi penerapan nilai adab dan amanah. **Rajah 2** berikut menunjukkan hubung kait nilai adab dan amanah dalam Pendidikan 5.0@UiTM. Matlamat adab dalam pendidikan 5.0 adalah untuk mewujudkan rasa menghargai ilmu dan mengiktiraf perhubungan antara manusia, Pencipta dan persekitarannya. Melalui pendidikan pelajar mendapat gambaran yang jelas berkaitan hubungan manusia dengan Pencipta, hubungan sesama makhluk dan juga dengan alam sekitar. Hubungan ini kelihatan seimbang dan diterjemahkan ke dalam semua domain pembelajaran, kandungan dan penyampaian. Manakala dalam konteks amanah, pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan satu amanah kepada manusia sekaligus melengkapkan peranan manusia sebagai khalifah dalam memakmurkan muka bumi. Amanah dilihat sebagai satu kontrak besar seseorang individu dengan masyarakatnya, dengan dunia haiwan, dengan dunia tumbuhan, dan dengan persekitaran keseluruhan. Gabungan adab dan amanah dalam pengajaran dan pembelajaran adalah berpusatkan Pencipta dimana semuanya dilakukan adalah semata-mata kerana Pencipta dan kembali kepada Pencipta (Academic Affairs Division UiTM, 2019).



Rajah 2: Konsep Adab dan Amanah Dalam Pendidikan 5.0@UiTM

Sumber: (Pendidikan 5.0@UiTM (2019))

Konsep pementoran Islam rakan sebaya juga mendukung Pendidikan 5.0 yang bermatlamat memupuk seorang yang beradab, amanah dan berpusatkan pelajar. Jelas disini, pelaksanaan pementoran Islam rakan sebaya adalah selari dengan sasaran yang ingin dicapai dalam Pendidikan 5.0 di mana pelajar diberi peranan dalam membentuk persekitaran pembelajaran yang mereka kehendaki, berpeluang mengasah bakat dan nilai-nilai kepimpinan yang baik dan seterusnya pelajar berperanan sebagai pendorong, pembimbing dan mentor sesama pelajar. Ini sekaligus memantapkan lagi pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan memperkasakan lagi peranan pelajar.

Peranan Pementoran Islam Rakan Sebaya dalam Pendidikan Adab

Bagi mewujudkan sistem pendidikan yang mampu mendepani cabaran *Society 5.0*, semua pihak perlu memainkan peranan. Dalam konteks Malaysia pada hari ini, pelbagai pihak telah menggembeling tenaga bagi menjayakan pembinaan modal insan yang holistik dan berkualiti sepertimana yang disasarkan dalam pendidikan era *Society 5.0*. Terdapat banyak kajian berkaitan pembangunan modal insan yang menunjukkan kepentingan penglibatan pelbagai pihak dalam usaha melahirkan pelajar yang cemerlang. Beberapa kajian memberi fokus kepada peranan pelbagai institusi sama ada secara formal dan tidak formal (Junoh, 2013; Noor et al., 2014), manakala kajian oleh Kadir & Desa (2004) memfokuskan kepada peranan pensyarah. Selain kerajaan, institusi pengajian tinggi, para pensyarah dan sebagainya, rakan sebaya juga boleh turut berperanan dalam menjadi pembimbing atau mentor kepada pelajar yang lain sama ada dalam aspek akademik, bimbingan keagamaan dan sebagainya. Terdapat beberapa kajian menunjukkan peranan rakan sebaya sebagai mentor dalam meningkatkan pencapaian akademik dan sosial (Taha et al., 2017; Laible et al., 2004; Mattanah et al., 2010; Wilkinson, 2004).

Pendekatan pementoran Islam rakan sebaya dilihat banyak memberi faedah terutamanya di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Menurut Taha et al., (2017) di antara kepentingan pementoran adalah dapat meningkatkan produktiviti dan komitmen pelajar, menjalinkan kerjasama yang baik sesama pelajar, mewujudkan rasa seronok dalam kalangan pelajar dan seterusnya mengasah bakat dan kemahiran pelajar. Mentor juga dapat menggunakan program pementoran untuk memberi bimbingan yang berobjektifkan pembangunan akhlak dan adab (Jalal et al., 2015). Pembentukan akhlak dan adab melalui program pementoran terbukti boleh dicapai.

Kajian oleh Jalal et al. (2015) menunjukkan bahawa program pementoran yang dilaksanakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah meninggalkan kesan yang positif terhadap sahsiah pelajar. Selain itu, mentor juga boleh membantu membangunkan sahsiah dan adab pelajar dengan berkongsi ilmu dan membimbing pelajar agar dapat menangani pelbagai masalah dalam kehidupan.

Dalam konteks pendidikan adab, pementoran rakan sebaya berorientasikan pembentukan akhlak dan adab Islam adalah sesuatu yang dapat menjadi medium kepada rakan sebaya untuk berperanan. Ia boleh dilaksanakan secara berkala dan sistematik dengan perancangan yang rapi oleh pihak institusi mahupun komuniti. Melihat kepada sejarah, program bimbingan atau pementoran Islam rakan sebaya ini secara dasarnya bukanlah sesuatu yang baru tetapi telah dilaksanakan di sekolah-sekolah sehinggalah ke universiti sejak sekian lama. Ia lebih sinonim dengan nama *usrah* yang bermaksud keluarga. Istilah ini telah diperkenalkan oleh Sheikh al-Banna (1949) yang mengetengahkan pendekatan dakwah Rasulullah SAW semasa peringkat dakwah secara rahsia (*da'wah bissir*) di rumah Al-Arqam bin Abi Al-Arqam (Rahimi & Kawangit, 2018). Menurut Salleh (2009), pendekatan *usrah* ini telah dilaksanakan dalam usaha dakwah sehingga pertengahan abad ke-20 dan begitu baik dilaksanakan oleh gerakan Islam dibawah pimpinan Sheikh Imam Hassan al-Banna. Secara umumnya ia bertujuan untuk menyuburkan kecintaan terhadap Islam dan mengukuhkan adab dan akhlak Islam.

Selain itu, pementoran Islam rakan sebaya juga mempunyai kelebihan yang tersendiri dan merupakan pelengkap kepada metod sistem pendidikan Islam khususnya dalam Pendidikan adab. Ini kerana rakan sebaya atau sahabat mempunyai hubungan yang istimewa dalam kehidupan seorang pelajar. Rakan atau sahabat adalah antara individu yang paling rapat dan akrab dalam hidup seseorang. Rakan sering menjadi tempat luahan masalah, mendapatkan nasihat, serta berbincang pelbagai persoalan kehidupan. Seorang rakan dengan rakan yang lain juga dengan mudahnya saling mempengaruhi sama ada secara positif atau negatif. Justeru itu, memilih seorang rakan yang baik bagi mengelakkan pengaruh yang tidak sihat sangat digalakkan dalam Islam. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Dari Abu Musa RA, katanya Rasulullah SAW bersabda: Perumpamaan duduk dengan orang baik-baik dibandingkan dengan duduk berserta orang jahat, seumpama pemilik kasturi dengan dapur tukang besi. Engkau tidak akan lepas dari pemilik kasturi. Adakalanya engkau membeli kasturi itu atau sekurang-kurangnya mencium baunya. Sedangkan dapur tukang besi membakar tubuhmu atau sekurang-kurangnya engkau mencium bau busuk”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no 1033)

Perapatan dengan rakan sebaya juga adalah disebabkan kurangnya pergantungan kepada ibu bapa apabila seseorang individu mula meningkat dewasa. Ini kerana tuntutan kehidupan dalam fasa ini menuntut seseorang individu untuk lebih berdikari. Bagi seorang pelajar pula, ruang lingkup sosial menjadi semakin luas apabila mula melangkah kaki ke universiti. Kehidupan yang berjauhan atau luar daripada kawalan keluarga menjadikan pelajar akan lebih rapat dengan rakan sebaya. Menurut Mahadi (2012), seorang remaja akan berusaha sedaya upaya untuk menjadikan dirinya diterima dalam kelompok rakan sebaya kerana remaja merasakan bahawa hidup seorang diri adalah menakutkan. Justeru, remaja akan bertingkah laku seperti mana rakan-rakan bagi memastikan penerimaan tersebut walaupun ada kalanya tingkah laku itu bertentangan dengan sikap diri sendiri.

Pementoran Islam rakan sebaya menggunakan pendekatan dakwah dan keagamaan ini sangat penting diketengahkan dalam kalangan pelajar di sekolah dan juga di institusi pengajian tinggi khususnya di era *Society 5.0*. Walaupun begitu berdasarkan sorotan karya, pelaksanaan pementoran Islam rakan sebaya khususnya dalam pendidikan adab ini masih terpinggir. Kajian berkaitan dengannya perlu digiatkan agar pelaksanaannya lebih terpandu dengan model atau modul yang lebih relevan dan sesuai dengan perkembangan dunia pada hari ini. Peranan rakan sebaya juga dapat diperkasakan dengan lebih baik dan sistematik. Usrah yang dilaksanakan di sekolah dan universiti yang berorientasikan sukatan atau tajuk-tajuk yang telah ditetapkan sebagai bahan perbincangan pada masa kini seharusnya dipandu dengan lebih baik berdasarkan keperluan dalam menghadapi era revolusi *Society 5.0*.

Komponen yang membina sistem pementoran Islam rakan sebaya adalah terdiri daripada murabbi, mentor, mentee dan medium. Murabbi adalah merujuk kepada guru atau pensyarah pembimbing kepada mentor dan pemantau kepada keseluruhan perjalanan pementoran. Peranan murabbi dalam program pementoran Islam adalah berdasarkan apa yang di laksanakan oleh Rasulullah SAW di mana Rasulullah SAW berperanan sebagai murabbi yang mengatur pertemuan berbentuk diskusi dan perbahasan dan juga membimbing sahabat-sahabat baginda sebagai mentor. Ini juga berkait dengan peranan guru dalam pembangunan rohani pelajar di mana guru berperanan sebagai murabbi bukan sahaja di dalam kelas tetapi juga di luar kelas (Razak et.al, 2016). Murabbi bertanggungjawab dalam pemilihan mentor rakan sebaya yang menepati kepada ciri-ciri seorang pembimbing Islam dan mengumpulkan mentee yang berminat atau perlu menghadiri pementoran Islam rakan sebaya. Perjalanan pementoran akan lebih lancar dengan adanya murabbi yang memberi komitmen dan berperanan dengan baik dalam perjalanan pementoran.

Selain murabbi, yang menjadi tunjang utama kepada pementoran Islam rakan sebaya adalah mentor rakan sebaya yang merupakan pembimbing kepada rakan sebaya yang lain (mentee). Menurut Andrian (2018), pementoran adalah salah satu metod pendidikan Islam yang efektif kerana mentee dapat dibimbing dan dikawal secara langsung oleh seorang mentor. Justeru perkembangan mentee dapat dinilai secara sistematik. Dalam era *Society 5.0*, dunia teknologi dan komunikasi alam maya berlaku begitu drastik. Ini memberi cabaran kepada perkembangan mentee dalam pelbagai aspek samaada jasmani, rohani, emosi dan juga intelek. Mentor rakan sebaya adalah merupakan pembimbing yang berada di dalam dunia dan fasa yang sama dengan mentee, justeru mentor rakan sebaya sangat memahami dan lebih merasai situasi yang di alami oleh mentee. Ini merupakan satu kelebihan pementoran Islam rakan sebaya dalam membentuk keperibadian pelajar. Bagi memenuhi keperluan ini, ciri-ciri mentor yang dipilih juga penting untuk diberi perhatian. Mentor rakan sebaya dalam Islam memainkan peranan sebagai seorang pendakwah. Justeru, ciri-ciri pendakwah yang baik seperti akhlak yang baik, tahap pengetahuan yang tinggi, penampilan yang menarik, kepimpinan yang mantap dan kemahiran yang pelbagai adalah diantara kualiti personaliti dan peribadi yang perlu ada pada seorang mentor.

Dalam era *Society 5.0*, medium bagi pelaksanaan pementoran Islam rakan sebaya tidak lagi terhad kepada perbincangan dan pertemuan secara bersemuka tetapi boleh dilaksanakan melalui atas talian seperti Google Meet, Webex, Zoom, Microsoft Team dan sebagainya. Ini membuka ruang kepada mentor dan mentee untuk berkongsi bahan-bahan perbincangan yang lebih pelbagai dan menarik. Penggunaan teknologi dengan maksima akan menjadikan medium pementoran selari dan relevan dengan perubahan yang berlaku. Topik perbincangan dalam pendidikan adab juga boleh dikembangkan kepada adab dalam penggunaan teknologi dan

komunikasi dunia maya dan juga segala cabaran dan bahaya modenisasi dan globalisasi terhadap akidah, syariah, ibadah dan akhlak seorang Muslim.

Dalam pementoran Islam rakan sebaya yang berorientasikan pendidikan, aplikasi elemen adab dan amanah seperti mana dalam Pendidikan 5.0@UiTM wajar dipraktikkan. Ini meliputi adab murabbi dan mentor serta adab mentor dan mentee. Begitu juga elemen pendidikan adab yang diberi penekanan dalam kandungan adalah meliputi keseluruhan adab yang ditekankan oleh para ulama iaitu adab terhadap agama, adab terhadap diri sendiri, adab terhadap manusia dan juga adab terhadap alam sekitar. Dalam konteks amanah, pementoran Islam rakan sebaya merupakan amanah pendidikan Islam yang dipertanggungjawabkan kepada murabbi dan juga mentor dalam pelaksanaannya bagi membentuk mentee yang tinggi adab bagi merealisasikan pembentukan masyarakat sejahtera khususnya dalam era Society 5.0. **Rajah 3** berikut menunjukkan gambaran umum peranan pementoran Islam rakan sebaya dalam pembinaan adab khususnya di era Society 5.0:



Rajah 3: Pendidikan Adab Melalui Pementoran Islam Rakan Sebaya di Era Society 5.0

Kesimpulan

Era *Society 5.0* memberi keutamaan bukan semata-mata kepada kemajuan sains dan teknologi tetapi juga kepada kemajuan dan pembangunan elemen kemanusiaan. Ini bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan dan mengangkat nilai moral dan akhlak bagi melahirkan masyarakat sejahtera yang memimpin dan menguasai teknologi bukan sebaliknya dikuasai oleh teknologi. Justeru semua bentuk teknologi perlu dimanfaatkan untuk membangunkan manusia melalui pelbagai pendekatan. Kajian ini telah mengetengahkan pementoran Islam rakan sebaya sebagai medium alternatif dalam pendidikan adab di era *Society 5.0*. Bukan sekadar guru, pensyarah dan sebagainya perlu menguasai teknologi dan sentiasa mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran tetapi rakan sebaya yang berada dalam perkembangan dan pengaruh yang sama perlu juga berperanan dalam membimbing dan menjadi mentor kepada rakan sebaya yang lain.

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa pementoran adalah satu sistem bimbingan yang terbukti memberi kesan dalam pembangunan akademik, sahsiah, kerohanian dan sebagainya bagi seorang pelajar atau remaja. Justeru dalam era revolusi *Society 5.0*, sistem pementoran Islam rakan sebaya ini perlu diperkasakan agar rakan sebaya terus dapat berperanan dalam memberi bimbingan dengan lebih efisien dan berkesan. Pementoran Islam rakan sebaya bukan

sahaja dapat membina kemahiran insaniah dan memupuk nilai kepimpinan yang ada pada seorang mentor tetapi memberi peluang kepada mentee berada dalam zon bimbingan atau 'tarbiyah' yang lebih selesa dengan rakan sebaya yang dianggap sebagai lebih memahami perkembangan emosi dan psikologi remaja khususnya dalam dunia globalisasi yang penuh cabaran.

Pendidikan adab melalui pementoran Islam rakan sebaya adalah pendidikan berorientasikan 'role model' yang mana mentor adalah contoh penghayatan adab yang paling hampir dengan mentee. Kehadiran 'role model' dapat menambahkan lagi keyakinan mentee dalam meningkatkan kefahaman, menambahbaik tingkah laku dan seterusnya mengamalkan adab-adab yang baik bagi mencapai kesejahteraan hidup yang paling maksima di era *Society 5.0*. Justeru itu, pementoran Islam rakan sebaya ternyata mempunyai kelebihan tersendiri dan perlu diberi nafas baru melalui pelbagai medium teknologi komunikasi yang ada. Pelaksanaannya dengan bantuan pelbagai medium teknologi ini akan memberi impak yang lebih baik dan lebih meluas merentas masa dan sempadan dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera dalam mendepani cabaran *Society 5.0*.

Rujukan

- Academic Affairs Division UiTM. (2019). *Education@UiTM : Navigating The Future*. Selangor : UiTM Press
- Adzim, A.K. (2021). Konsep pendidikan karakter anak berbasis keluarga Islami Era Society 5.0. *Pendidikan Karakter Anak*, 10(1), 14–23. <https://e-journal.staima-alhikam.ac.id/index.php/talimuna/article/view/524>
- Ahmad, S.A., Elias, Z.A., & Mormin, R. (2017). Keberkesanan peranan guru dalam penghayatan akhlak pelajar menurut Imam al- Ghazali. *Human Sustainability Procedia*.
- Al-Banna, H. (1949). *Majmu'at al-Rasail*. Dar al-Syihab.
- Andrian, G.F., Kardinah, N., Ningsih, E. (2018). Evaluasi program mentoring agama Islam dalam meningkatkan komitmen beragama. *Jurnal Psikologi Islam Dan Budaya*, 1(2), 85–96. <https://doi.org/10.15575/jpib.v1i2.3422>
- Anggraheni, R., & Astuti, R. D. (2020). Revitalisasi nilai-nilai islami dalam edukasi guna mempersiapkan generasi menuju era Society 5.0 sebagai bagian dari strategi rekonstruksi kejayaan peradaban Islam. *Prosiding Konferensi Integrasi Interkoneksi Islam Dan Sains*, 2, 31–34. <http://sunankalijaga.org/prosiding/index.php/kiiis/article/view/368>
- Azis, A., & Warda, Y. (2022). Peranan keluarga terhadap pendidikan akhlak di masa pandemi. *Hibrul Ulama*, 4, 28–37. <https://ejurnal.univamedan.ac.id/index.php/hibrululama/article/view/169%0A>
- Busu, Z.M., Zainal, N.S., Rahman, N.H.A.A., Zainan, N.I.N., & Jusoh, N.A.M. (2018). The usage of peer mentors in learning Islamic banking : A case study at UiTM Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(20), 32–40. www.ijepe.com
- Chen, T.S., & Sutan, R. (2013). Faktor-faktor sokongan sosial yang mempengaruhi penghargaan sendiri remaja sekolah menengah daerah Melaka Tengah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1), 20–29. <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/11193/3620>
- Dzalihu'zzabir, N. (2017). Pengaruh rakan sebaya terhadap amalan akidah dalam kalangan pelajar politeknik. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, 1(2), 79–94. http://www.myjournal.my/filebank/published_article/74515/9.pdf

- Guntol, J., & Kutty, F. M. (2020). Program mentor mentee dalam meningkatkan konsep sendiri pelajar sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 97–109.
- Hamzah, S.R., Suandi, T., Hamzah, A., (2013). Pengaruh rakan sebaya ke atas tingkah laku hedonistik belia IPT di Malaysia. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 63, 17–23. <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=77360>
- Hariato, E. (2019). Kurikulum pendidikan Indonesia : Antara adab dan nilai. *Progresiva : Jurnal Pemikiran Dan Pendidikan Islam*, 8(1), 673–684. <https://doi.org/10.22219/progresiva>.
- Haryanto, H. (2021). Konsep pendidikan adab dalam kitab al-Jâmi' al-Şaĥîĥ karya Imam Al-Tirmiżî dan relevansinya dengan tujuan pendidikan nasional. *Tawazun: Jurnal Pendidikan Islam*, 14(1), 42. <https://doi.org/10.32832/tawazun.v14i1.4009>
- Jalal, F.H., Daud, N.A., & Samad, N.A. (2015). Kesan program pembangunan sahsiah terhadap pembentukan karakter pelajar. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*, 8, 1–18.
- Junoh, A.M., Ghani, Z.A., Jailani, M. R. M., & Noor, K.M. (2013). Profil penyertaan dalam pendidikan non-formal di masjid : Implikasi terhadap pembangunan modal insan belia. *Ulum Islamiyyah Journal*, 11, 31–47. http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/36774/3.pdf
- Kadir, N.B.A. & Desa, A. (2004). Sokongan sosial dan keceriaan: Tinjauan awal di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal E-Bangi*, 3(12), 1–12. http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/4579/norbaiyah04.pdf
- Laible, D. J., Carlo, G., & Roesch, S. C. (2004). Pathways to self-esteem in late adolescence: The role of parent and peer attachment, empathy, and social behaviours. *Journal of Adolescence*, 27(6), 703–716. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2004.05.005>
- Latiff, A.C., Rathakrishnan, B., Safri, N.J., Rusdy, S.N.F.S.M., & Lajuma, S. (2017). Perkaitan antara perapatan ibubapa dan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah di Sabah. *Southeast Asia Psychology Journal*, 5, 12–21. http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/65961/2.pdf
- Mahadi, A. (2012). Faktor pendorong amalan seks bebas dalam kalangan remaja muslim di Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatul Sakinah Sungai Buloh Selangor. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mattanah, J. F., Ayers, J. F., Brand, B. L., Brooks, L. J., Quimby, J. L., & McNary, S. W. (2010). A Social support intervention to ease the college transition: Exploring main effects and moderators. *Journal of College Student Development*, 51(1), 93–108. <https://doi.org/10.1353/csd.0.0116>
- Maya, R. (2017). Karakter (adab) guru dan murid perspektif Ibn Jamâ'ah al-Syâfi'î. *Jurnal Edukasi Islami*, 6(12). <http://jurnal.staialhidayahbogor.ac.id/index.php/ei/article/view/177>
- Noer, M. A., & Sarumpaet, A. (2017). Konsep adab peserta didik dalam pembelajaran menurut az-Zarnuji dan implikasinya terhadap pendidikan karakter di Indonesia. *Al-Hikmah: Jurnal Agama Dan Ilmu Pengetahuan*, 14(2), 181–208. [https://doi.org/10.25299/al-hikmah:jaip.2017.vol14\(2\).1028](https://doi.org/10.25299/al-hikmah:jaip.2017.vol14(2).1028)
- Noor, A.F.M., Jasmi, K.A., & Shukor, K.A. (2016). Masalah sosial dalam kalangan pelajar dan peranan pensyarah pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Sosial Sciences and Humanities*, 11(2), 50–61. <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/15929/4943>
- Noor, R.M., Rahim, R.A.A., Majid, M.K.A., Ali, A.K., Kadir, N.A.A., Jaafar, S.M.J., & Yusoff, N. (2014). Peranan institut pengajian tinggi Islam dalam pembangunan modal

- insan di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Kemanusiaan*, 22, 1–20.
http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/33353/02.pdf
- Nuridin, I. F. (2015). Perbandingan konsep adab menurut Ibn Hajar Al-'Asqalany dengan konsep pendidikan karakter di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 4(1), 159.
<https://doi.org/10.14421/jpi.2015.41.159-187>
- Putra, P. H. (2019). Tantangan pendidikan Islam dalam menghadapi Society 5.0. *Jurnal Islamika : Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*. 19(02), 99–110.
- Rahimi, N.A. & Kawangit, R.M. (2018). Perkembangan usrah di Malaysia dan kepentingannya kepada masyarakat: Satu tinjauan awal. *Jurnal At-Tahkim*, Vol. 8(6), 1–6.
<http://attahkimjournal.com/wp-content/uploads/SITI-HAJAR.pdf>
- Rahmawati, R. (2020). Efektivitas Kegiatan Ekstrakurikuler Mentoring Agama Islam Dalam Pembentukan Akhlak di SMA Negeri 12 Medan.
[http://repository.uinsu.ac.id/13044/%0Ahttp://repository.uinsu.ac.id/13044/1/TESIS an Rahmawati.pdf](http://repository.uinsu.ac.id/13044/%0Ahttp://repository.uinsu.ac.id/13044/1/TESIS%20an%20Rahmawati.pdf)
- Razak, S. R. A., Hamzah, H., & Rashed, Z. N. (2016). Cabaran guru Pendidikan Islam dalam pembentukan akhlak pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(4), 100–110.
- Razak, M.A.A., & Hamjah. S.H. (2017). Faktor zina dan kesannya dalam kehidupan remaja. *Jurnal Sains Insani*, 2(2), 1–10.
http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/68020/1.pdf
- Rizka, M., Kinanti, S., & Kencana, A. L. (2021). Penguatan pendidikan karakter dalam menghadapi standardisasi pendidikan menuju era human Society 5.0. Web Seminar (Webinar) “Standarisasi Pendidikan Sekolah Dasar Menuju Era Human Society 5.0,” 447–452.
- Sabri, S.A., Rosli, H.F., Zakaria, N.A., Suhaimi, A.F.M. & Kassim. M.A.M. (2016). Peranan program mentoring dalam pembentukan sahsiah pelajar. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)*, 2016(November), 356–365.
- Salleh, S.M. (2009). Persepsi pelajar terhadap program Usrah di SMKA (P) Al-Mashoor [Universiti Teknologi Malaysia].
http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/p_2009_8996_cbab32a77dc74cc789d52a3f8f46675d.pdf
- Salleh. N.M. (2014). Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Skobelev, P. O., & Borovik, S. Y. (2017). On the way from Industry 4. 0 to Industry 5. 0. *International Scientific Journal “Industry 4.0,”* 2(6), 307–311.
<https://stumejournals.com/journals/i4/2017/6/307/pdf>
- Slameto. (2019). Reformasi Pendidikan Era Masyarakat 5. 0. *Trisala*, 03(15), 412–419.
- Syuhada, M. I. (2022). Mentoring Dakwah Di SMA: Fenomena KPPM Shadik di Karimun, Indonesia. *Idarotuna*, 3(3), 185. <https://doi.org/10.24014/idarotuna.v3i3.16375>
- Taha, H.M., Jalal, F.H., Bistaman, M.N., Daud, N.A.M., & Yusof, H.M. (2017). Peranan intervensi modul rakan mentor terhadap pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Online Journal of Counseling*, 3(2), 62–72.
<http://ajba.um.edu.my/index.php/MOJC/article/view/5544/3302>
- Talib, N. H. F., Saleh, N. A. M., & Badli, N. M. (2018). Pengaruh Lingkungan Sosial Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Politeknik Banting Selangor Dan Kolej Komuniti Kuala Langat, Malaysia. *Sosial Budaya*, 14(2), 119. <https://doi.org/10.24014/sb.v14i2.4424>
- Venegas-Muggli, J. I., Barrientos, C., & Álvarez, F. (2021). The Impact of peer-mentoring on the academic success of underrepresented college students. *Journal of College Student*

Retention: Research, Theory and Practice, 1–18.
<https://doi.org/10.1177/1521025121995988>

Wilkinson, R. B. (2004). The role of parental and peer attachment in the psychological health and self-esteem of adolescents. *Journal of Youth and Adolescence* , 33(6), 479–493.
<https://doi.org/10.1023/B:JOYO.0000048063.59425.20>

World Economic Forum. (2019). Modern Society has Reached Its Limits: Society 5.0 will Liberate Us. [Online] www.weforum.org.

Yazid, A.A. (2021). Existence of Islamic education in the era of society revolution 5.0. *AMCA Journal of Religion and Society*, 1(1), 13–15. <https://doi.org/10.51773/ajrs.v1i1.34>